UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ISO 9001: 2000 No Sijil : KLR0500123

info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

15hb Oktober 2005

Isu ke-50





Seminar Perkembangan Islam





inside !

Mesej Timb Pengarah HEA

Persijilan ISO 9001:2000

A week-end with ILQAM

SPM Mathematics Workshop

Seminar on Islamic Development

EMBA - Academic Discourse

National Parks Exploration

Konvensyen KMK

Hari Keluarga UiTM Sarawak

Bubur Lambuk



Happy Deepavali & Selamat Hari Raya Aidil Fitri

Assalamuala'laikum w.b.t. dan Salam Sejahtera

Tahniah dan syabas kepada semua warga UiTM Sarawak atas kejayaan mendapat persijilan ISO 9001:2000 daripada Lloyd's Register of Quality Assurance (LRQA) pada 23 September 2005. Kita amat berbangga atas kejayaan ini kerana UiTM Sarawak adalah kampus cawangan pertama yang telah dianugerahkan dengan persijilan yang bertaraf antarabangsa ini. Tetapi ini bukanlah kali pertama kita mendapat pensijilan ISO, malah sebelum ini universiti kita telah dianugerahkan persijilan ISO oleh MAMPU dan SIRIM.



Mesej Timbalan Pengarah HEA

Prof Madya Dr. Fatimah Bujang

Ini bermakna kita telah lama berusaha dan mengamalkan budaya kualiti dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di kampus kita. Anugerah ISO kali ini akan menyemarakkan lagi usaha kita ke arah universiti bertaraf dunia.

Anugerah ISO membawa makna yang besar kepada kita. Ia membuktikan bahawa UiTM Sarawak senantiasa meningkatkan usaha untuk memenuhi kehendak dan aspirasi pelanggan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, ini adalah komitmen yang paling penting untuk mempertahankan daya saing di kalangan universiti dan kolej, mahupun awam ataupun swasta, yang mana bilangannya senantiasa bertambah. Kita harus berdaya saing dari segi kualiti didalam semua aspek termasuk sistem pengajaran dan pembelajaran, kemudahan prasarana dan persekitaran yang kondusif. Hanya dengan cara ini kita boleh mencapai objektif untuk menjadi universiti pilihan pertama. Komitmen kita terhadap kualiti juga penting didalam konteks pembinaan negara. Kita bertanggungjawab untuk mengeluarkan graduan yang mempunyai personaliti unggul dan boleh menyumbang kepada pembangunan negara dengan berkesan.


Persijilan ISO juga membuktikan bahawa semua warga kampus sedar betapa pentingnya anugerah ini dan mereka tahu tentang peranan dan tanggung-jawab yang dikehendaki oleh piawaian ini. Saya rasa bersyukur di atas komitmen yang tidak berbelah bagi, sokongan padu dan dedikasi yang diberikan oleh semua staf. Saya rasa terharu dengan mutu kerja dan sikap positif yang telah diberikan di dalam persiapan untuk menghadapi dan semasa pengauditan ISO dijalankan. Saya percaya kesungguhan ini telah menjadi budaya kerja kita. Dengan ini saya yakin kita akan dapat memenuhi kehendak audit pemantauan dengan jayanya dan seterusnya mengekalkan piawaian ISO 9001:2000 di UiTM Sarawak. Walaubagaimanapun, kita jangan rasa selesa dengan kejayaan ini. Penambahbaikan harus diteruskan: Kejayaan adalah satu perjalanan yang jauh, dan bukannya satu destinasi.

Dengan kesempatan ini saya juga ingin mengingatkan semua warga kampus untuk mengambil berat tentang peperiksaan akhir yang akan menjelang. Diharap semua pihak akan menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan cekap dan amanah untuk memastikan peperiksaan akhir berjalan dengan lancar. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya di dalam menghadapi peperiksaan kepada semua pelajar.

Kepada rakan-rakan yang beragama Hindu dan Islam, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali dan Hari Raya Aidil Fitri. Maaf zahir batin.

Bagi pihak semua warga UiTM Sarawak, saya mengucapkan takziah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan keluarga atas pemergian orang yang tercinta, Datin Seri Endon Mahmood.

MPP Berwajah Baru



YDP

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada barisan MPP yang baru. Diharapkan dengan adanya muka baru sebagai pemimpin pelajar, akan ada perubahan positif yang akan dibawa kepada MPP dalam memperjuangkan hak rakan-rakan mereka terutama sekali di UiTM Cawangan Sarawak. Selamat menjalankan tugas.

Berikut ialah barisan MPP untuk Sesi 2005/2006:

Mohd Amirrul Rashid	BBA / 04	YDP
Adelleymuzaman	BAS / 04	NYDP
Nadiah Mohd Naim	DIA / 04	SU Agong
Jerry Arickson Ak Kuta	DIA / 04	Bendahari Kehormat
Syazana Alia Sabrudin	DIS / 03	Exco Fakulti dan Akademik
[illegible]nku Faizal Tuanku Karim	DPA / 04	Exco Aduan Kebajikan dan Perundangan
Nazatul Izzati Hj Zainal Abidin	DSK / 03	Exco Aduan Kebajikan dan Perundangan
Alfitri Abul Rahman	DIB / 04	Exco Pembangunan Insan
Christina Supang Akal Umong	DPA / 03	Exco Pembangunan Insan
Asha Begum Mohd Andy	DIM / 03	Exco Perhubungan Dalaman
Siti Nazfarahdila Annuar	TOURISM / 02	Exco Perhubungan Luar dan Antarabangsa
Yahutazi Chik	DPIM / 04	Exco Pentadbiran dan Pengurusan
Mohd Lufman Sabri	DCE / 04	Exco Pentadbiran dan Pengurusan
Zulhelmi Serad	DEE / 03	Exco Informasi, IT dan Publisiti
Awangku Adisofri PG Anak	DOM / 02	Exco Sukan Rekreasi dan Kebudayaan
Hazwan Salleh Baihaki	DSSR / 03	Exco Sukan Rekreasi dan Kebudayaan

Takziah kepada keluarga allahyarhamah Siah Sanny - *Sharifah Zakiah*


UiTM Kampus Samarahan kehilangan seorang lagi kakitangan pentadbirannya dengan kembalinya Puan Siah Sanny ke rahmatullah pada malam hari Selasa 10 Oktober yang lalu di Hospital Umum Negeri Sarawak kerana masalah buah pinggang dan kencing manis.

Puan Siah mula berkhidmat di UiTM ketika itu dikenali sebagai ITM pada 7 Ogos 1982 sebagai pekerja asrama dan bangunan. Bermula dari 1 Januari 1989 sehingga kembalinya beliau ke rahmatullah, allahyarhamah bertugas sebagai pembantu am rendah di bahagian pentadbiran.

Rakan-rakan sekerja menyifatkan allahyarhamah sebagai seorang yang pendiam tetapi rajin dan suka membantu sesiapa yang memerlukan pertolongannya.

Allahyarhamah dan suaminya Encik Bidi Kassim, kakitangan UKPK mempunyai lima orang cahayamata.

Takziah kepada Encik Bidi dan keluarganya dan untuk warga Islam UiTM, marilah kita sedekahkan Al-Fatihah untuk allahyarhamah. Semoga Allah menempatkan rohnya bersama-sama dengan orang-orang yang beriman.



'Selamat majujaya' to all students and staff.

Sidang Redaksi

Penasihat

Prof. Madya Dr. Jamil Hj. Hamali
Prof. Madya Dr. Fatimah Bujang

Penyelaras Penerbitan

Yuthandy Maniam
MB 62/Ext 7680

Panel Editor

Ng Kui Choo (Ketua)
MB 79 / Ext 7667
Cindy Wee (Penolong Ketua)
MB 20 / Ext 7662
Sharifah Zakiah
MB 199 / Ext 7683
Helen Pereira
MB 182 / Ext 7623
Ellen Chung
MB 122 / Ext 7656
Wan Salbiah Wan Othman
MB 115 / Ext 7655
Abdul Rahman Saili
MB 189

Wakil Perpustakaan

Atikah Hj Ramli
Ext 7676

Wakil Pelajar

Rafidah Nawawi

Grafik dan Percetakan

Yuthandy Maniam

Bantuan Teknikal

Abdul Khalid Karim

Sirkulasi

Ahmad Lotfi Ariffin
Sabariah Mohd Apandi














Malam pra-graduan 2005

...global conformity & continuous marketability